

31/08/2000

Empat rakyat Malaysia terima Biasiswa Perdana

EMPAT rakyat negara ini menerima anugerah Biasiswa Perdana 2000, Program Pertukaran Fellowship Perdana Menteri Malaysia (Program) untuk melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) ke luar negeri.

Mereka ialah Rina Juliawati Samsudin dalam bidang Kejuruteraan Elektrik yang mendapat tajaan melanjutkan pengajian ke University of Cambridge, England; Tan Tiang Chye (Perhubungan Antarabangsa di National of Oriental Studies, Paris, Perancis), Marinah Othman (Komunikasi Optik di University of Bristol, United Kingdom dan Dr Goh Pik Pin (Program Fellowship, Dana Centre for Preventive Ophthalmology, Amerika Syarikat).

Anugerah Biasiswa Perdana yang kini masuk tahun keempat diberikan bertujuan menggalakkan kecemerlangan pendidikan di kalangan rakyat negara ini dan terbuka kepada semua peringkat pengajian dengan penekanan diberikan kepada program peringkat lepasan ijazah dan kedoktoran.

Setiausaha Program, Rosley Ahmad, berkata setakat ini 17 penerima dianugerahkan biasiswa yang ditadbir oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, sejak diperkenalkan pada 1997.

Program adalah sebuah institusi amal yang diperbadankan mengikut Akta Syarikat Malaysia, 1967 yang mana pemilihan nama itu adalah penghormatan kepada sumbangan Perdana Menteri yang pernah memimpin negara.

Pengenalannya juga seiring aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam merealisasikan Wawasan 2020 yang diilhamkannya menerusi kertas kerja bertajuk "Malaysia Melangkah Ke Hadapan" yang dibentangkan pada Persidangan Perdagangan Malaysia, 28 Februari 1991.

Objektif utama Program adalah meningkatkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan dan menggalakkan pembelajaran dalam bidang ekonomi, kewangan, seni, sains, teknologi dan perdagangan.

Ia turut menganjurkan biasiswa dan bantuan kewangan kepada cendekiawan, ilmuan dan pelajar warganegara Malaysia untuk mengikuti kursus di dalam dan luar negara.

(END)